



Untuk Terbitan Media
9 Oktober 2024

SIARAN MEDIA

KONGRES SOCIAL SYNERGY 2024: PROGRAM SOCIAL SYNERGY BERJAYA SALUR LEBIH 32,000 PROSPEK KEPADA RAKAN SINERGI

KUALA LUMPUR – Lebih 32,000 penyaluran prospek berjaya dilaksanakan sejak 2019 sehingga September 2024 kepada pelbagai agensi menerusi Program *Social Synergy* melalui Sistem MySynergy.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Dato' Sri Subahan Kamal berkata sehingga kini lebih 350 agensi yang terdiri daripada agensi kerajaan, bukan kerajaan, swasta dan wakil rakyat telah memberikan komitmen untuk bersama di dalam gagasan Program *Social Synergy*.

“Kongres *Social Synergy* 2024 kali ini menyaksikan pengumuman perkhidmatan "Social Synergy One Stop Centre", dimana ketika ini PERKESO merupakan perintis bagi penyediaan kaunter “Social Synergy One Stop Centre” bagi memudahkan prospek mendapatkan bantuan yang sewajarnya merentasi agensi dan berharap agar inisiatif perkhidmatan kaunter ini dapat diperluas kepada rakan sinergi lain.

“Di samping itu, beberapa Memorandum Kerjasama dan Kolaborasi telah dimeterai dan diserahkan melibatkan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ),” ujar beliau.

Subahan turut menyatakan Kongres kali ini turut memberi pengiktirafan sumbangan agensi yang komited dalam menjayakan objektif Program *Social Synergy* melalui

"Anugerah Social Synergy" dalam empat kategori iaitu Agensi Proaktif, Agensi *Supportive*, Agensi Responsif, dan Agensi Terbaik.

Program *Social Synergy* adalah hasil inisiatif PERKESO dalam usaha mengatasi isu pertindihan dan keciciran bantuan yang dialami golongan sasar di Malaysia sejak diperkenalkan pada 2017 yang beriltizam menyediakan jaringan keselamatan sosial yang sistematik, komprehensif, holistik dan *end-to-end solution* melalui kolaborasi pelbagai rakan strategik di negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO, Encik John Riba Marin, Pengarah Bahagian Produktiviti Insan, Perbadanan Produktiviti Malaysia, En. Mohamad Muzaffar bin Abdul Hamid, Pengarah Bahagian Kesejahteraan Rakyat, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri mewakili Ketua Pengarah ICU Jabatan Perdana Menteri, Puan Masyitah binti Suid, serta 50 ketua agensi yang juga merupakan rakan agensi *Social Synergy* hadir dalam kongres ini yang telah berlangsung di Hotel Royale Chulan disini hari ini.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*no one left behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

9 Oktober 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ikliil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my